



KERAJAAN MALAYSIA

**Garis Panduan
Geran Perusahaan Sosial
Kementerian Kewangan**

[KEMASKINI 1 MAC 2022]

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Tafsiran	2
4.	Syarat-syarat Permohonan Program SE-MoF	2
5.	Panduan Penyediaan Kertas Kerja Permohonan Program SE-MoF	4
6.	Kriteria Penilaian Permohonan Program SE-MoF	5
7.	Kelulusan Kementerian Kewangan	5
8.	Pemantauan dan Penilaian	6
9.	Pematuhan	8
	Lampiran 1	9

1. Tujuan

- 1.1. Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan penjelasan mengenai program perusahaan sosial (**social enterprise - SE**) kepada universiti, Badan Bukan Kerajaan (**NGO**) dan agensi Kerajaan yang melaksanakan perusahaan berorientasikan sosial yang dapat memberi impak positif kepada Kerajaan dan masyarakat merangkumi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar.
- 1.2. Kaedah-kaedah dalam garis panduan ini telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan hendaklah digunakan dalam pelaksanaan program perusahaan sosial Kementerian Kewangan (**SE-MoF**) sahaja.

2. Latar Belakang

- 2.1. Misi utama **SE** adalah untuk mewujudkan perusahaan yang mampan dan mampu menjana pendapatan sendiri dengan cara yang inovatif berbanding hanya bergantung sepenuhnya kepada geran dan sumbangan. **SE** akan menggunakan geran permulaan atau sumbangan untuk menjalankan perniagaan sama seperti model perniagaan berasaskan keuntungan (*profit-oriented business*) bagi menjana keuntungan. Keuntungan yang dijana bukan sahaja dilaburkan semula bagi menampung kos operasi tetapi juga digunakan untuk melaksanakan program-program sosial.
- 2.2. Objektif **SE**
 - (i) Pewujudan **SE** di Malaysia mampu membuka peluang pekerjaan yang stabil di samping dapat menyatukan pelbagai lapisan masyarakat termasuklah komuniti yang kurang bernasib baik dan terpinggir. Hal ini sekaligus dapat memberikan impak positif yang besar kepada pembangunan ekonomi negara; dan
 - (ii) Memberi peluang kepada komuniti untuk berkembang maju dalam sektor ekonomi dan membangunkan industri tempatan.
- 2.3. **SE** juga dilihat mampu untuk merealisasikan sekurang-kurangnya salah satu daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan (**Sustainable Development Goals - SDG**) yang diperkenalkan pada 2015 oleh *United Nations General Assembly (UNGA)*. Ini merangkumi cabaran pembangunan dunia moden termasuk sosial, politik dan alam sekitar. 17 matlamat **SDG** adalah seperti berikut:
 - (i) Matlamat 1: Tiada Kemiskinan;
 - (ii) Matlamat 2: Kelaparan Sifar;
 - (iii) Matlamat 3: Kesihatan Yang Baik dan Kesejahteraan;
 - (iv) Matlamat 4: Kualiti Pendidikan;
 - (v) Matlamat 5: Kesaksamaan Gender;
 - (vi) Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi;

- (vii) Matlamat 7: Tenaga Mampu Milik dan Bersih;
- (viii) Matlamat 8: Pekerjaan Yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi;
- (ix) Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur;
- (x) Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan;
- (xi) Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Yang Mampan;
- (xii) Matlamat 12: Penggunaan dan Pengeluaran Yang Bertanggungjawab;
- (xiii) Matlamat 13: Tindakan iklim;
- (xiv) Matlamat 14: Kehidupan di Bawah Air;
- (xv) Matlamat 15: Kehidupan di Darat;
- (xvi) Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Teguh;
dan
- (xvii) Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat.

3. Tafsiran

- 3.1. Agensi Kerajaan – bermaksud kementerian, jabatan dan Badan-badan Berkanun di seluruh Malaysia.
- 3.2. Universiti – bermaksud Institut Pengajian Tinggi Awam (**IPTA**), Institut Pengajian Tinggi Swasta (**IPTS**), institusi pendidikan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (**KPT**) atau yang berdaftar di bawah agensi Kerajaan.
- 3.3. Badan Bukan Kerajaan (**NGO**) – bermaksud pertubuhan/organisasi yang berstatus aktif dan telah berdaftar di bawah agensi Kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (**JPPM**) dan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (**PPPB**).
- 3.4. Kementerian Kewangan (**MoF**) – merujuk kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

4. Syarat-syarat Permohonan Program SE-MoF

- 4.1. Pelaksanaan program **SE-MoF** adalah merupakan salah satu inisiatif yang diumumkan oleh Menteri Kewangan pada pembentangan Belanjawan 2022. Program SE-MoF ini julung kalinya diumumkan oleh Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2019. Permohonan program (**SE-MoF**) pada tahun seterusnya adalah tertakluk kepada pengumuman Menteri Kewangan semasa sesi pembentangan belanjawan negara pada tahun tersebut.
- 4.2. Entiti pemohon yang layak untuk memanfaatkan dana di bawah program **SE** adalah:
 - (i) Universiti;
 - (ii) **NGO** ; dan
 - (iii) Agensi Kerajaan.

- 4.3. **SE** hendaklah mempunyai Model Perniagaan (*Business Model*) yang jelas dan mampu mencapai *outcome* berikut:
- (i) Mewujudkan impak sosial, ekonomi atau alam sekitar yang positif secara proaktif;
 - (ii) Menjana keuntungan secara berterusan untuk mewujudkan kewangan yang kukuh bagi mengurangkan kebergantungan kepada geran dan sumbangan; dan
 - (iii) Memperuntukkan keuntungan yang dijana untuk mencapai matlamat sosial dan/atau alam sekitar.
- 4.4. Setiap projek di bawah program **SE-MoF** hendaklah mempunyai rakan kerjasama strategik iaitu kolaborasi dengan pemain industri yang akan bertindak sebagai pendorong dan penanda aras (*benchmark*) kepada usahawan **SE**.
- 4.5. Peruntukan yang layak dimohon meliputi:
- (i) Perolehan harta modal seperti mesin, peralatan dan kenderaan;
 - (ii) Perolehan bahan mentah untuk operasi (*one-off*);
 - (iii) Yuran kursus terhad kepada 10% daripada keseluruhan kos projek;
 - (iv) Kos *overhead* seperti pembungkusan, pengiklanan dan pemasaran; dan
 - (v) Lain-lain kos tertakluk kepada kelulusan **MoF**.
- 4.6. Peruntukan yang tidak layak dimohon meliputi:
- (i) Penganjuran kursus berskala besar;
 - (ii) Bayaran honorarium kepada pensyarah;
 - (iii) Bayaran upah *research assistant*;
 - (iv) Bayaran fi perkhidmatan kepada anak syarikat universiti atau **NGO**; dan
 - (v) Lain-lain kos tertakluk kepada kelulusan **MoF**.
- 4.7. Produk yang dihasilkan oleh **SE** hendaklah dipasarkan secara terbuka sama ada pasaran tempatan mahupun luar negara. Agensi Kerajaan adalah tidak terikat untuk membuat perolehan daripada usahawan **SE** di bawah program **SE-MoF**.
- 4.8. Pertimbangan akan dibuat oleh **MoF** berdasarkan "*first come, first serve basis*" tertakluk kepada pematuhan kriteria dan baki peruntukan. Justeru itu, universiti, **NGO** dan agensi Kerajaan hendaklah menghantar borang permohonan program **SE-MoF** kepada Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan, **MoF** seberapa segera yang boleh selepas belanjawan mengenainya diluluskan oleh Parlimen.

5. Panduan Penyediaan Kertas Kerja Permohonan Program SE-MoF

Pemohon hendaklah mengemukakan kertas kerja yang ringkas dan padat berdasarkan format yang ditetapkan seperti berikut:

5.1. Tujuan Kertas Kerja

Ruangan ini hendaklah menyatakan tujuan permohonan dengan jelas iaitu untuk mendapatkan peruntukan Kerajaan di bawah inisiatif **SE** seperti yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan pada tahun berkaitan bagi melaksanakan program kerjasama strategik perusahaan sosial antara Kementerian Kewangan bersama universiti/**NGO**/agensi Kerajaan.

5.2. Maklumat Permohonan

Ruangan ini hendaklah mengandungi senarai projek, ringkasan projek, termasuk perincian peruntukan yang diperlukan bagi setiap projek dan jumlah keseluruhan peruntukan yang dimohon.

5.3. Kesimpulan Dan Penutup

Pemohon perlu menyatakan matlamat utama memohon program **SE-MoF** dan rumusan bagi projek yang dimohon.

5.4. Lampiran

Ruangan ini mengandungi perincian setiap projek. Ianya perlu disediakan berdasarkan format di bawah. Pemohon juga boleh merujuk kepada format seperti di **Lampiran 1** garis panduan ini.

- (i) Tujuan projek
- (ii) Justifikasi projek
- (iii) Kumpulan sasaran
- (iv) Model perniagaan
- (v) Impak
 - a. kepada kumpulan sasaran (merangkumi impak sosial dan ekonomi)
 - b. kepada alam sekitar (sekiranya ada)
 - c. kepada kerajaan (sekiranya ada)
- (vi) Rakan kerjasama strategik
- (vii) Perincian peruntukan
- (viii) Perancangan pelaksanaan
- (ix) Pegawai atau individu yang bertanggungjawab

6. Kriteria Penilaian Permohonan Program SE-MoF

6.1. Permohonan program **SE-MoF** akan dinilai berdasarkan pematuhan kepada syarat-syarat permohonan seperti di [perenggan 4](#) dan kemampuan **SE** untuk mewujudkan impak seperti berikut:

(i) **Impak Sosial**

- a. Peningkatan kualiti hidup golongan sasar;
- b. Peningkatan ilmu dan kemahiran golongan sasar; atau
- c. Mencapai sasaran **SDG** yang berkaitan antaranya seperti:
 - Matlamat 2: Kelaparan Sifar;
 - Matlamat 3: Kesihatan Yang Baik dan Kesejahteraan;
 - Matlamat 4: Kualiti Pendidikan; dan
 - Matlamat 5: Kesaksamaan Gender.

(ii) **Impak Ekonomi**

- a. Peningkatan pendapatan dan taraf hidup golongan sasar;
- b. Golongan sasar keluar dari garis kemiskinan; atau
- c. Mencapai sasaran **SDG** yang berkaitan antaranya seperti:
 - Matlamat 1: Tiada Kemiskinan;
 - Matlamat 8: Pekerjaan Yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi; dan
 - Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan.

(iii) **Impak Kepada Alam Sekitar**

- a. Mengaplikasikan teknologi hijau dalam proses pembuatan/ operasi;
- b. Menggunakan semula (*re-use*) produk terpakai bagi menghasilkan produk baharu; atau
- c. Mencapai sasaran **SDG** yang berkaitan antaranya seperti:
 - Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi;
 - Matlamat 12: Penggunaan dan Pengeluaran Yang Bertanggungjawab;
 - Matlamat 13: Tindakan iklim;
 - Matlamat 14: Kehidupan di Bawah Air; dan
 - Matlamat 15: Kehidupan di Darat.

(iv) **Impak Kepada Kerajaan**

- a. Penjimatan kepada perbelanjaan Kerajaan.

7. Kelulusan Kementerian Kewangan

7.1. Bahagian Perolehan Kerajaan, **MoF** akan memperhalusi permohonan dan meneliti kertas kerja yang diterima daripada universiti, **NGO** dan agensi Kerajaan.

7.2. **Jawatankuasa Penilaian** ditubuhkan selaras dengan tugas jawatankuasa iaitu menilai dan meneliti permohonan yang diterima sebelum diangkat kepada pihak pengurusan tertinggi. Jawatankuasa ini terdiri daripada pengerusi dan ahli seperti berikut:

- (i) Pengerusi : Timbalan Setiausaha Bahagian
Sektor Pengurusan Kontrak, TSK(K), **MoF**
- (ii) Pengerusi Ganti : Ketua Seksyen
Seksyen Pengurusan Rantainya Bekalan &
Perkhidmatan, KSK(KR), **MoF**
- (iii) Ahli I : Wakil Pegawai Sektor Pengurusan Kontrak
(Unit KR), **MoF**
Ahli II : Wakil Pegawai Sektor Dasar Perolehan
Kerajaan & Akreditasi, **MoF**
- (iv) Urus setia : Unit Pengurusan Rantainya Bekalan &
Perkhidmatan (Unit KR), **MoF**

7.3. **SE** yang memenuhi kriteria penilaian seperti di [perenggan 6](#) dan diluluskan oleh **MoF** akan dimaklumkan secara bertulis. Penyaluran geran kepada **SE** yang berjaya akan dilaksanakan dalam tempoh 14 – 21 hari bekerja setelah menerima maklumat lengkap perbankan daripada **SE** tersebut.

8. Pemantauan dan Penilaian

8.1. Pemantauan dan penilaian program **SE-MoF** akan dijalankan selama 18 bulan bermula dari tarikh penyaluran geran peruntukan dari **MoF**.

8.2. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu

(i) Universiti, **NGO** dan agensi Kerajaan adalah bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Pemandu. Jawatankuasa ini hendaklah bersidang sekurang-kurangnya setiap enam (6) bulan. Jawatankuasa ini terdiri daripada pengerusi dan ahli seperti berikut:

- a. Pengerusi : Ketua Jabatan atau wakil bagi
universiti/agensi Kerajaan
: Pengerusi Persatuan bagi **NGO**
- b. Ahli I : Wakil Bahagian Perolehan Kerajaan,
MoF
Ahli II : Wakil universiti/**NGO**/agensi Kerajaan

- c. Ahli Jemputan : Ahli yang dikenal pasti dari semasa ke semasa sekiranya perlu
- d. Urus setia : Ditetapkan oleh pemohon

(ii) Tujuan jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk:

- a. Memantau kemajuan pelaksanaan setiap projek **SE** supaya ianya berjalan lancar dan tidak lewat daripada perancangan;
- b. Memantau pencapaian setiap projek **SE** supaya ianya mencapai impak seperti mana yang ditetapkan; dan
- c. Memperakukan *Extention of Time (EOT)* projek sebelum diangkat kepada Pihak Berkuasa Melulus di **MoF**.

8.3. Penubuhan Jawatankuasa Kerja

(i) Jawatankuasa kerja perlu ditubuhkan oleh universiti, **NGO** dan agensi Kerajaan. Jawatankuasa ini hendaklah bersidang setiap empat (4) bulan. Jawatankuasa ini terdiri daripada pengerusi dan ahli seperti berikut:

- a. Pengerusi : Ketua Seksyen
Seksyen Pengurusan Rantaian Bekalan & Perkhidmatan, KSK(KR), **MoF**
- b. Ahli I : Ketua Projek
Ahli II : Wakil Bahagian Perolehan Kerajaan,
MoF
- c. Urus setia : Unit Pengurusan Rantaian Bekalan & Perkhidmatan (Unit KR), **MoF**

(ii) Tujuan jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk:

- a. Memastikan setiap projek dilaksanakan dengan betul dan tepat mengikut permohonan yang dikemukakan;
- b. Ahli di dalam jawatankuasa ini perlu mengadakan lawatan tapak setiap kali bersidang; dan
- c. Ketua projek/*person in charge* akan menyediakan laporan untuk dibentangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pemandu.

9. Pematuhan

- 9.1. Program **SE-MoF** yang telah menerima geran peruntukan daripada **MoF** hendaklah mematuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh **MoF** termasuk tempoh penyempurnaan program selama 18 bulan.
- 9.2. Sekiranya pihak **MoF** mendapati program **SE-MoF** yang dijalankan tidak memberi impak seperti yang dinyatakan di dalam permohonan **SE** universiti/ **NGO**/agensi Kerajaan, maka:
 - (i) Universiti dan agensi Kerajaan akan dikenakan penalti iaitu pengurangan Perbelanjaan Mengurus (**OE**) pada suatu kadar yang akan ditetapkan oleh **MOF** pada tahun berikutnya; dan
 - (ii) **NGO** akan disenarai hitam daripada program bantuan Kerajaan untuk tempoh dua (2) tahun dari tarikh penyempurnaan program **SE-MoF**.
- 9.3. Universiti dan agensi Kerajaan hendaklah mematuhi pekeliling perolehan yang berkuatkuasa semasa perolehan dilaksanakan.

Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
1 Mac 2022

Lampiran 1

CONTOH : PROJEK 1 - PROJEK IKAN BEKOK OLEH KOMUNITI NELAYAN DI TUMPAT, KELANTAN

Bil.	Tajuk	Catatan												
1.	Tujuan Projek													
2.	Justifikasi Projek													
3.	Kumpulan Sasar													
4.	Model Perniagaan													
5.	Impak (i) Impak kepada Kumpulan Sasar (Merangkumi Impak Sosial & Ekonomi) (ii) Impak kepada Alam Sekitar (sekiranya ada) (iii) Impak kepada Kerajaan (sekiranya ada)													
6.	Rakan Kerjasama Strategik													
7.	Perincian Peruntukan	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>Perincian</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td colspan="2">Jumlah Keseluruhan (RM)</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Perincian	Jumlah (RM)							Jumlah Keseluruhan (RM)		
Perkara	Perincian	Jumlah (RM)												
Jumlah Keseluruhan (RM)														
8.	Perancangan Pelaksanaan													
9.	Pegawai atau individu yang bertanggungjawab													